

# **KENYATAAN MEDIA**

## **KONTRAKTOR WAJIB PASTIKAN PEKERJA MAHIR DIAKREDITASI**

**PULAU PINANG, 26 Jun, 2018** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengingatkan semua kontraktor binaan untuk memastikan penyelia tapak bina serta pekerja mahir mereka telah diakreditasikan. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520, Pindaan 2011) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2015 mewajibkan semua penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir di dalam tred yang disenaraikan dalam Jadual ketiga Akta tersebut, diakreditasi sebelum mereka boleh dibenarkan bekerja.

”Akreditasi pekerja mahir ini penting bagi memastikan personel binaan dapat menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi,” kata Pengarah Negeri CIDB Pulau Pinang, Encik Mohammad Faizal Abdul Hamid.

Mohammad Faizal hari ini mempengerusikan sesi taklimat serta perbincangan meja bulat bersama 24 kontraktor yang melaksanakan projek-projek berskala besar di Pulau Pinang. Perbincangan itu adalah bagi memberikan penerangan dan mendapatkan komitmen kontraktor-kontraktor tersebut dalam pematuhan Seksyen 33 (Pendaftaran Personel Binaan) dan 33A (Akreditasi dan Pemerakuan Penyelia Tapak Binaan dan Pekerja Binaan Mahir) di bawah Akta 520.

Mengikut kedua-dua Seksyen Akta tersebut, sesiapa yang didapati bersalah menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa didaftarkan dan tanpa diakreditasi, boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM5,000. Penalti yang sama juga boleh dikenakan kepada majikan yang mengambil pekerja yang tidak diakreditasi untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan.

Setakat ini bermula dari tahun 2002 sehingga Mei 2018, terdapat lebih kurang 42,000 personel binaan berdaftar di Pulau Pinang daripada jumlah 785,000 yang

berdaftar di seluruh negara. Jumlah personel binaan mahir yang telah diakreditasi pula adalah seramai 218,414 di seluruh negara, termasuk 16,188 di Pulau Pinang.

Bagi menggalakkan lebih ramai personel binaan tampil untuk menjalankan proses akreditasi, CIDB sedang menawarkan pengurangan kadar yuran Program Penilaian Kompetensi Kemahiran dan Pentauliahan Penyelia Tapak seperti berikut:

NO	PROGRAM	YURAN ASAL	SELEPAS PENGURANGAN	MAKLUMAT LANJUT
1.	Program Penilaian Kompetensi Kemahiran (Tempatan)	<u>Percuma</u>	<u>Percuma</u>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>04-390 2448</b> <i>Unit Latihan, Pejabat Negeri Pulau Pinang</i></li> </ul>
2.	Program Penilaian Kompetensi Kemahiran (Pekerja Asing)	Penilaian = RM450.00 + Proses = RM20.00  <u>Jumlah = RM470.00</u>	Penilaian = RM250.00 + Proses = RM20.00  <u>Jumlah = RM270.00*</u>  *sehingga 31 Julai 2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>03-4047 7319</b> <i>Aljuffry Mohd Arifin, Ibu Pejabat CIDB Malaysia</i></li> </ul>
3.	Pentauliahan Penyelia Tapak	<u>RM200.00</u>	<u>RM100.00*</u> *sehingga 31 Julai 2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>04-390 2448</b> <i>Unit Latihan, Pejabat Negeri Pulau Pinang</i></li> <li>• <b>03-4047 7326</b> <i>Nadzhatul Syamiru Usmaiza Othman, Ibu Pejabat CIDB Malaysia</i></li> </ul>

Untuk maklumat lanjut, sila layari: [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

#####

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---